

# Tiada bantuan

B.H 08 MAY 1993

# peribadi: PM

DARI MUKA 1

Oleh Lichong Angkui

SHAH ALAM, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kesal dengan sikap sesetengah usawan Bumiputera yang menulis surat kepadanya meminta pertolongan dan keistimewaan secara peribadi kononnya untuk maju dalam perniagaan.

Perdana Menteri berkata beliau tidak boleh memberi bantuan sedemikian atau 'memasukkan wang ke dalam saku' seseorang usahawan hanya semata-mata dia Bumiputera.

Sebaliknya, katanya, beliau hanya dapat membantu mengatasi masalah atau halangan dari segi pentadbiran saja bagi melicinkan urusan perniagaan supaya mereka boleh bersaing dengan orang lain.

"Malangnya saya kerap dapat surat (daripada usahawan Bumiputera) yang berkata bahawa Datuk sajalah dapat tolong saya. Kalau Datuk tak tolong, saya tidak boleh maju.

"Saya memang pun sanggup tolong tetapi bukan dengan cara memasukkan duit ke dalam saku. Tetapi kalau ada masalah pentadbiran yang perlu diata-

si, ia boleh diatasi. Mahathir berpendapat jika Kongres Kesatuan Pekerja Malaysia (MTUC) sudah menukar pendirian tidak bersubahat dengan kesatuan sekerja asing untuk melumpuhkan ekonomi negara, ia adalah satu perubahan strategi yang baik.

Beliau berharap MTUC berpegang kepada strategi itu kerana itulah cara dapat membantu pekerja mendapat gaji lebih hasil peningkatan kadar pelaburan asing.

Katanya, pelaburan oleh usahawan tempatan di luar negara juga penting dalam mengembangkan ekonomi negara kerana jika menghaplakan pelabur asing datang ke sini, pasaran akan terhad.

Mengenai industri sampingan negara, beliau berkata, kerajaan setakat ini berpuas hati dengan pencapaiannya, tetapi usaha meningkatkannya terus diperhebat sejajar matlamat pembangunan perindustrian negara.

Katanya, Malaysia bukan saja mahukan semua komponen Proton Saga dibuat di dalam negara, tetapi juga keluaran tempatan dieksport ke seluruh dunia kerana Malaysia mempunyai kelebihan dari segi kos pengeluaran yang rendah.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau berkata, ramai beranggapan bahawa usahawan Bumiputera tidak boleh mencapai kemajuan tanpa campur tangan Perdana Menteri.

"Ini tidak benar. Mereka sebenarnya boleh maju asalkan mempunyai disiplin, sanggup belajar dan menanamkan cara perniagaan yang baik.

"Perasaan bahawa mereka tidak boleh maju kerana tekanan dan tiada hubungan baik dengan Perdana Menteri adalah satu pemikiran lapuk dan tidak harus ada lagi di kalangan Bumiputera," katanya.

si, ia boleh diatasi.

"Soal nak memberi keistimewaan sehingga berbentuk pemberian wang kepada pengusaha kerana hanya semata-mata dia Bumiputera, bukan sesuatu yang boleh saya buat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kilang Usra Tampi (M) Sdn Bhd, di sini, petang ini.

Usra Tampi, syarikat milik penuh Bumiputera yang ditubuhkan pada 1989 dan mempunyai modal berbayar RM2 juta, adalah pengeluar komponen plastik kegunaan pelbagai industri, termasuk untuk Proton Saga.

Turut hadir di majlis itu Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Chua Jui Ming dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan Usra Tampi, Abdul Shukur Mohamed.

Dr Mahathir berkata, ketika ini sudah banyak peniaga dan pengusaha Bumiputera yang tidak memerlukan bantuan istimewa, sebaliknya sanggup bekerja keras, berdisiplin dan menjalankan perniagaan secara sihat.

Katanya, mereka terbabit boleh maju atas inisiatif sendiri dan bukan dengan cara minta lesen atau permit import (AP) untuk dijual semula hanya semata-mata untuk mendapatkan wang.

Mengenai hasutan sesetengah pihak dari luar negara supaya pekerja Malaysia dinaikkan gaji, Perdana Menteri berkata, memang sejak dulu kerajaan sedar bahawa persahabatan yang ditunjukkan oleh kesatuan sekerja asing sebenarnya tidak jujur dan mempunyai muslihat tertentu.

"Ia bukan persahabatan ikhlas, tetapi bertujuan meningkatkan kos negara supaya kita tidak boleh bersaing dengan mereka dan dengan itu industri kita akan lumpuh," katanya.

Sehubungan dengan itu, Dr Ma-

LIHAT MUKA 2